



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

**PERUTUSAN
YANG BERHORMAT
DATO SERI SETIA DR HAJI MOHAMMAD ISHAM BIN HAJI JAAFAR
MENTERI KESIHATAN
SEMPENA SAMBUTAN HARI KANSER SEDUNIA 2022**

04 Februari 2022

**TEMA:
" Tutup Kejurangan Penjagaan"
(Close the care gap)**

1. Setiap tahun, pada 4 Februari, seluruh dunia akan menyambut Hari Kanser Sedunia. Sambutan Hari Kanser Sedunia merupakan inisiatif global yang dipimpin oleh Persatuan Kawalan Kanser Antarabangsa (*Union for International Cancer Control* atau UICC) yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai penyakit kanser dan bertindak dalam mencegah, mengesan dan merawat penyakit kanser dengan lebih baik. Alhamdulillah, seperti di negara-negara yang lain, Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan untuk sama-sama bergiat aktif dalam meningkatkan kesedaran dan juga mengambil beberapa tindakan dan langkah bagi mencegah dan mengurangkan kesan penyakit kanser.
2. Tema bagi Hari Kanser Sedunia bermula pada tahun ini hingga tahun 2024 iaitu "Tutup Kejurangan Penjagaan". Kempen selama tiga tahun ini akan tertumpu pada isu-isu yang berkaitan dengan ekuiti (equity), termasuk meningkatkan kesedaran mengenai kekurangan ekuiti dalam penjagaan penyakit kanser dan mengenalpasti segala halangan bagi orang ramai untuk mengakses perkhidmatan serta penjagaan kanser yang mereka perlukan. Dengan adanya penutupan kejurangan penjagaan ini, segala

halangan tersebut dan potensinya untuk mengurangkan peluang para individu untuk terselamat dari penyakit kanser boleh dihindari.

3. Menurut Persatuan Kawalan Kanser Antarabangsa (UICC), kita boleh sama-sama mengurangkan ketidaksamaan (*inequity*) dan menutup jurang dalam penjagaan jika kita boleh melakukan beberapa perkara berikut, yang mana Alhamdulillah sedang dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam:

- Meningkatkan pengetahuan orang ramai tentang pencegahan kanser;
- Melengkapkan profesional penjagaan kesihatan dengan kemahiran dan pengetahuan termasuk tentang bagaimana ketidaksamaan mempengaruhi penjagaan kanser;
- Mengukuhkan penjagaan kesihatan asasi yang diberikan dalam masyarakat;
- Mengutarakan faktor-faktor sosial dan ekonomi yang boleh menjejaskan kesihatan orang ramai secara negatif melalui penggubalan dasar dan pelaksanaan program yang bersesuaian;
- Meningkatkan sumber-sumber (iaitu wang dan manusia) - khusus untuk penyelidikan kanser, dan menjejaki beban kanser secara nasional untuk membentuk pelaburan kita dengan lebih berkesan; dan
- Melaksanakan rancangan pencegahan dan pengawalan kanser yang khusus bagi sesebuah negara (*country-specific*) yang mengetengahkan keperluan dan sumber unik setiap negara.

4. Menurut anggaran dari pendaftaran kanser kebangsaan, risiko bagi seorang lelaki untuk menghidap kanser disepanjang hayatnya ialah 27%

atau 1 dalam 4 lelaki, manakala risiko bagi seorang perempuan pula ialah 29% atau 1 dalam 3 perempuan. Pada tahun 2020, berdasarkan perangkaan yang diperolehi dari Daftar Kanser Negara Brunei Darussalam, sejumlah 806 orang warganegara dan penduduk tetap di Negara ini telah dikesan menghidap penyakit kanser. Pada tahun yang sama, penyakit kanser telah menyebabkan 352 kematian. Dalam erti kata lain, pada tahun 2020, penyakit kanser telah menyebabkan kira-kira 1 dalam 5 (20.8%) kematian di kalangan warganegara dan penduduk tetap di Negara Brunei Darussalam. Jumlah penghidap penyakit kanser juga telah menunjukkan peningkatan sebanyak 25.3% dalam tempoh 5 tahun pada tahun 2016-2020 berbanding dengan tahun 2011-2015. Manakala, pada tahun 2020, antara jenis-jenis penyakit kanser yang tertinggi di kalangan lelaki adalah kolorektal (68 kes); prostat (39 kes); dan paru-paru (37 kes). Di kalangan perempuan pula, penyakit kanser yang tertinggi adalah payudara (111 kes); diikuti oleh kolorektal (62 kes); korpus uteri atau rahim (62 kes) dan ovari (32 kes).

5. Seperti penyakit-penyakit tidak berjangkit yang lain, kebanyakan penyakit kanser boleh dicegah. Mereka yang mempunyai berat badan yang berlebihan, perokok, mengambil makanan yang tidak sihat dan meminum alkohol mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk mendapatkan kanser seperti kanser payudara, paru-paru dan usus besar. Justeru itu, memandangkan kesemua faktor risiko kanser tersebut boleh dicegah, adalah perlu bagi kita sama-sama menghindarinya dan mengikut beberapa langkah gaya hidup sihat seperti:-

- Berhenti merokok dan mengelakkan daripada pendedahan kepada asap rokok pasif;

- Mengekalkan berat badan yang sihat daripada umur kanak-kanak dan disepanjang hayat;
- Memastikan pengambilan 2-3 sajian buah-buahan dan 2-3 sajian sayur-sayuran setiap hari;
- Mengurangkan pengambilan makanan yang mempunyai lemak yang tinggi/berlebihan; dan
- Melakukan kegiatan fizikal sekurang-kurangnya 30 minit, lima kali atau lebih dalam seminggu.
- Menjalani ujian saringan kesihatan secara rutin untuk mengesan tanda-tanda awal penyakit kanser termasuk bagi penyakit kanser serviks, payudara dan kolorektal.
- Mendapatkan suntikan vaksin terhadap jangkitan Hepatitis B dan HPV untuk melindungi dari kanser hati dan serviks.

6. Sepertimana yang semua sudah maklum, seluruh dunia telah dilanda pandemik COVID-19 sejak akhir tahun 2019. Di Negara Brunei Darussalam sekali lagi telah dilanda gelombang COVID-19 yang ke-dua sejak bulan Ogos 2021 dan seperti negara-negara lain, telah memberikan impak atau cabaran yang besar, termasuklah buat Kementerian Kesihatan dalam menangani COVID-19. Antara cabaran yang dihadapi adalah penangguhan sementara aktiviti saringan (*screening*) di bawah Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan. Namun Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam kini telah melangkah ke Fasa Awal Endemik, dan Kementerian Kesihatan akan terus berusaha untuk meningkatkan pengesanan awal dan pencegahan penyakit kanser di Negara Brunei Darussalam.

7. Dalam kita sama-sama menyertai kempen global dalam mengiktiraf tahun pertama kempen 'Tutup Kejurangan Penjagaan' khususnya dalam memahami ketidaksamaan dalam penjagaan kanser di seluruh dunia, kita diingatkan betapa bertuahnya rakyat Brunei dalam memiliki penjagaan kesihatan sejagat (*universal healthcare*) dengan pencegahan, pemeriksaan dan rawatan kanser tersedia dan boleh diakses oleh semua penduduk di Negara ini. Marilah kita juga bersama-sama membantu mengurangkan stigma kanser; untuk mendengar perspektif mereka yang menghidap kanser dan komuniti mereka agar kita boleh mula memikirkan cara yang lebih baik untuk membina masa depan yang lebih cerah di mana orang ramai boleh menjalani kehidupan yang lebih sihat dan mempunyai akses kepada perkhidmatan pencegahan dan rawatan kanser, tidak kira berapa usia mereka atau di mana mereka bekerja atau tinggal.

8. Dalam kesempatan menyambut Hari Kanser Sedunia ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk saling ingat mengingati akan kepentingan pemeriksaan saringan atau *screening* terutamanya dikalangan keluarga dan rakan-rakan. Disamping itu juga, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat seperti klinik-klinik dan hospital-hospital Kerajaan dan swasta, The Brunei Cancer Centre (TBCC), Early Detection & Cancer Prevention Services (EDCP), Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) dan juga badan-badan bukan kerajaan (NGOs) seperti Yayasan Kanser Kanak Kanak (YASKA) Brunei, Brunei Breast Cancer Support Group (BCSG) dan pihak NGO yang lain dalam usaha mencegah dan mengawal penyakit kanser di Negara Brunei Darussalam.

9. Akhir kata, setiap seorang daripada kita mempunyai keupayaan untuk membuat perubahan sama ada besar atau kecil dalam sama-sama membuat kemajuan sebenar dalam mengurangkan kesan kanser. Marilah

kita terus bertekad untuk memberi komitmen yang tinggi dalam meningkatkan kesadaran mengenai penyakit kanker dan bertindak dalam mencegah, mengesan dan merawat penyakit kanker dengan lebih baik.

-TAMAT-